PENGGUNAAN STRATEGI KETIDAKSANTUNAN DALAM KALANGAN REMAJA DI SEKOLAH

ZAITUL AZMA ZAINON HAMZAH
zaitul@fbmk.upm.edu.my

AHMAD FUAD MAT HASSAN
Ahmadfuad_mh@yahoo.com

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Institusi sekolah tidak terkecuali daripada persoalan ketidaksantunan berbahasa, terutama dalam kalangan remaja sekolah. Justeru makalah ini akan membincangkan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja sekolah untuk tujuan mengancam dan menyerang muka remaja lain. Sebanyak 978 orang remaja sekolah menengah dijadikan sampel menggunakan tiga teknik persampelan, iaitu teknik persampelan variasi maksimum, persampelan *snowball* dan persampelan mengikut peluang. Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Data yang dikumpul dianalisis berlandaskan teori ketidaksantunan Culpeper (1996). Dapatan kajian mendapati remaja sekolah menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung untuk tujuan mentertawa dan memperlekeh, mengejek serta menghina remaja lain. Penggunaan strategi ketidaksantunan positif pula digunakan oleh remaja ketika mereka memaki/mencaci, menghina, mengejek, dan mengusir remaja lain. Strategi ketidaksantunan negatif' pula digunakan oleh remaja untuk tujuan merosak air muka remaja lain. Seterusnya penggunaan sarkarme atau sindiran digunakan remaja ketika mereka mengusir, menghina, dan mengejek rakan mereka, dan penggunaan strategi menahan kesantunan digunakan remaja apabila mereka mentertawa dan memperlekehkan remaja lain. Kesimpulannya, penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja secara tidak langsung menonjolkan bahawa amalan kesantunan berbahasa telah tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya oleh remaja di sekolah. Oleh yang demikian, guru sebagai orang yang paling rapat dengan kehidupan remaja ketika di sekolah perlu menjalankan tanggungjawab sebagai model masyarakat dalam memupuk nilai sopan santun dalam kalangan para remaja. Tanggungjawab guru perlu disokong oleh badan pengawas, pentadbir sekolah, PIBG, dan ahli masyarakat agar dapat meningkatkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat di samping memelihara nilai-nilai santun dan norma masyarakat.

Kata kunci: Remaja, strategi ketidaksantunan, teori ketidaksantunan Culpeper (1996).

ABSTRACT

School institutions are not exempt from impolite behaviour and language, especially among school students. Therefore this paper will discuss the use of impoliteness strategies among teenagers for the purpose of threatening and attacking their peer's. A total of 978 high school teenagers were selected as sample using three techniques for sampling; The maximum variation sampling technique, snowball sampling and sampling by chance. Data was collected using observation and interviews. The data collected was analysed using Culpeper's impoliteness theory (1996). Results showed that teenagers use bald on record impoliteness strategies directly for the purpose of laughing, intimidating, mocking and insulting other teens. Positive impoliteness strategy is used by teenagers when they insult / revile, insult, tease, and reject other teens. Negative impoliteness strategies were used by teenagers for the purpose of

damaging the face of other teens. Sarcasm or mock politeness strategies were used by teenagers when they expeled, abused and mocked their partners, and withhold politeness strategies were used when they laughed and ridiculed other teens. In conclusion, the use of impoliteness strategies among teenagers indirectly highlights that the practice of politeness is not fully been observed by teenagers in schools. Thus, the teacher as the person closest to them in school should shoulder the responsibility of fostering polite behaviour among teenagers. The responsibility of the teacher is to be supported by the school prefects, administrators, The Parents and Teachers association, and community members in order to enhance harmony in society while preserving the values and norms of a polite society.

Keywords: *Teenagers, Impoliteness strategies, Culper Impoliteness theory (1996)*

PENGENALAN

Ketidaksantunan berbahasa merujuk kepada penggunaan bahasa kasar dan kesat oleh penutur kepada sesorang termasuk pendengar dalam sesuatu komunikasi dengan tujuan tertentu. Menurut Locher and Bousfield (2008), ketidaksantunan merupakan amalan berbahasa dan tingkah laku yang menyerang muka dalam konteks tertentu dan menjatuhkan air muka seseorang, sekali gus melanggar peraturan-peraturan sosial yang terdapat dalam sesebuah masyarakat.

Culpeper (2005), menjelaskan ketidaksantunan terjadi apabila, (1) penutur yang berkomunikasi menghadapi serangan secara sengaja, atau (2) peserta yang mendengar, melihat atau membina tingkah laku sebagai sengaja bertindak menyerang muka (*face-threatening acts,FTA*), atau gabungan (1) dan (2). Dengan kata lain, ketidaksantunan berbahasa mempamerkan perilaku yang negatif dalam konteks yang memerlukan norma-norma sosial dipatuhi. Perilaku yang menonjolkan ketidaksantunan dapat disinonim dengan ketidaksopanan, percabulan kata-kata dengan sewenang-wenangnya, penghinaan melalui kata-kata terhadap seseorang, penonjolan tingkah laku yang tidak senonoh, melanggar adat dan penggunaan kata-kata tabu. Sejajar dengan itu, tingkah laku penutur yang cenderung berbahasa kasar boleh dianggap sebagai satu pencabulan terhadap nilai dan norma sosial yang dianuti oleh seseorang individu atau sekelompok masyarakat bagi tujuan menjatuhkan air muka.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dewasa ini fenomena penggunaan strategi ketidaksantunan bahasa dalam kalangan remaja dapat dikaitkan dengan sikap antiinstitusi, orientasi tempatan, kepelbagaian kenalan,dan inovasi tempatan (Eckert, Penelope, 2003). Manakala Hetti Waluati Triana dan Idris Aman, (2011), berpendapat generasi muda pada hari ini cenderung memilih strategi yang lebih langsung dan kurang mengamalkan nilai-nilai kesantunan serta mencerminkan lakuan tutur yang meninggalkan nilai luhur dalam budaya mereka. Hal ini terpancar dalam penggunaan bahasa mereka yang kasar yang diujarkan untuk tujuan mengancam, menakut-nakutkan pelajar lain dan untuk memalukan pelajar lain (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2010) bagi menonjolkan identiti, gambaran emosi, dan kuasa (Culpeper, 2011). Di samping itu, Culpeper (2005) turut menganggap penggunaan bahasa kasar atau kekerasan verbal turut menonjolkan strategi

komunikasi yang sengaja dicetuskan untuk menyerang muka. Tindakan ini akan menyebabkan berlakunya konflik sosial dan ketidakharmonian.

Selanjutnya, perilaku menggunakan bahasa yang mencitrakan peribadi yang tidak berbudi mulia semakin kelihatan dalam kalangan remaja sekolah. Hal ini dapat dilihat dalam kejadian-kejadian buli yang terjadi di sekolah-sekolah seperti yang berlaku di sebuah sekolah menengah di Mukah, Sarawak apabila sekumpulan pelajar telah bertindak berani dengan merakamkan perbuatan buli mereka ke atas seorang pelajar lain ke dalam *YouTube*. Di dalam klip video selama 3.05 minit itu, pelajar tingkatan tiga (mangsa buli) telah dimaki selain disepak, diterajang dan dipukul oleh sekumpulan pelajar lain. Hal ini menampakkan bahawa peribadi berbudi mulia semakin diabaikan sekali gus menunjukkan sirnanya amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi verbal (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2010). Malahan penggunaan strategi ketidaksantunan juga terpancar dalam kes yang berlaku di Nibong Tebal, apabila seorang pelajar yang tidak berpuas hati dengan gurunya telah bercakap kasar, iaitu "*kalau wa tak mau keluar, lu mau buat apa*" (Berita Harian, 15 Januari 2010). Dalam hal ini, Yahya Othman (2005), telah menyatakan bahawa institusi sekolah tidak terkecuali daripada persoalan ketidaksantunan berbahasa, terutama dalam kalangan pelajar. Fenomena ini sekali gus membuktikan bahawa penggunaan strategi ketidaksantun berbahasa sememangnya wujud di sekolah-sekolah walaupun bilangannya tidak dapat ditentukan dengan tepat. Penularan gejala ini, jika tidak diberikan perhatian yang wajar, boleh mendatangkan masalah kepada sistem dan nilai sosial masyarakat pada masa yang akan datang. Malahan berkecenderungan menjadikan remaja seorang yang agresif (Bandura, 1973). Bertitik tolak daripada permasalahan ini, penulis akan membincangkan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja untuk tujuan mengancam dan menyerang muka pelajar lain.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kualitatif dijadikan asas kepada kajian ini. Sebanyak 978 orang remaja sekolah menengah dijadikan sampel menggunakan tiga teknik persampelan, iaitu teknik persampelan variasi maksimum, persampelan *snowball* dan persampelan mengikut peluang. Persampelan variasi maksimum membolehkan penyelidik menyampelkan kes-kes yang menunjukkan kepelbagaian yang maksimum dari segi fenomena yang diminati (Glaser & Strauss,1967). Persampelan *snowball* dan persampelan mengikut peluang membolehkan pengkaji memahami sesuatu fenomena dengan mencari individu-individu yang dapat mewakili perbezaan-perbezaan atau keperbagaian yang besar dalam fenomena tersebut (Lincoln & Cuba, 1985; Patton, 1990; Taylor dan Bogdan, 1984; Othman Lebar, 2007).

Daripada sejumlah 987 orang remaja sekolah sebagai responden, sebanyak 133 orang (13.6%) ialah remaja Sekolah Berasrama Penuh dan Intergrasi (SBPI), 137 orang (14.0%) ialah remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), 134 orang (13.7%) ialah remaja Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional (SMT), 435 orang (44.5%) ialah remaja Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan 139 orang (14.2%) merupakan remaja Sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan Felda (SMK-F). Dari

segi bangsa, sebanyak 790 orang (80.8%) merupakan remaja Melayu, 52 (5.3%) merupakan remaja Cina, 36 (3.7%) ialah remaja India dan 100 orang (10.2%) merupakan remaja dari bangsa lain-lain.

Pemilihan sampel daripada pelbagai jenis sekolah ini adalah untuk menampung kekurangan kajian sebelum ini yang menyentuh tentang penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja sekolah. Namun, dalam makalah ini penulis hanya memilih beberapa data yang relevan untuk membincangkan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja ketika mereka mengejek, memarahi, mentertawa dan sebagainya. Penulis tidak bercadang untuk membincangkan kesemua data yang menunjukkan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja. Begitu juga, penulis tidak akan membandingkan penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja mengikut jenis sekolah, bangsa dan jantina.

Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Kaedah pemerhatian digunakan untuk memerhati situasi yang mendorong remaja menggunakan strategi ketidaksantunan berbahasa ketika mereka berada di sekolah. Kaedah ini membolehkan penyelidik benar-benar terlibat dalam latar sebenar responden. Seterusnya kaedah temu bual berstruktur dijalankan dalam kumpulan empat orang bertujuan untuk mendapatkan maklumat sebab-sebab remaja mengujarkan sesuatu yang boleh mengancam muka pendengarnya. Data yang dikumpul menggunakan teknik rakaman dan catatan oleh penyelidik dianalisis berlandaskan teori ketidaksantunan Culpeper (1996).

Teori Ketidaksantunan Culpeper (1996)

Culpeper telah membangunkan lima strategi ketidaksantunan seperti yang berikut;

1. Ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*), iaitu tingkah laku pengancaman muka dilakukan secara langsung, jelas, tidak kabur dan dalam cara yang singkat keadaan muka diaibkan dan dianggap tidak perlu menghubungkannya dengan muka.
2. Ketidaksantunan positif (*positive impoliteness*), iaitu penggunaan strategi yang bertujuan untuk menjatuh air muka penutur, misalnya menganggap penutur tidak ada dalam aktiviti yang dilakukan merangkumi a) tidak memerhatikan/ mengabaikannya, b) tidak memberikan simpati, c) menggunakan penanda identiti yang tidak tepat, d) menggunakan bahasa yang tidak jelas/rahsia, e) menunjukkan ketidaksetujuan, f) menggunakan bahasa yang tabu, dan g) menyapa dengan nama lain.
3. Ketidaksantunan negatif (*negative impoliteness*), iaitu penggunaan strategi yang bertujuan merosak air muka penutur yang meliputi a) menakut-nakutkan, b) memandang rendah atau memperlekehkan, c) mencemuh atau mengejek, d) menghina, e) tidak memperlakukan dengan bersungguh-sungguh atau mempermain-mainkan, f) memperkecilkan perasaan pendengar g) mengambil kesempatan terhadap pendengar, h) menggunakan sapaan dengan menonjolkan

aspek personaliti yang negatif, dan i) menempatkan orang lain sebagai orang yang bertanggungjawab.

4. Penggunaan sarkarme atau sindiran (*sarcasm or mock politeness*), iaitu tindak tutur yang hanya berpura-pura.
5. Menahan kesantunan (*withhold politeness*), iaitu tidak melakukan strategi kesantunan seperti yang diharapkan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati remaja sekolah menggunakan pelbagai strategi ketidaksantunan dalam ujaran mereka bagi mengancam, membuat rakan berasa malu dan juga untuk menjatuhkan air muka pelajar lain. Air muka merujuk kepada perasaan, maruah, dan harga diri seseorang yang ingin dipertahankan. Perasaan, maruah dan harga diri ini dapat digambarkan melalui ekspresi muka, emosi, dan pendirian seseorang itu. Oleh itu, sekiranya penutur melontar sesuatu kata yang secara langsung boleh membuat penerimanya berasa malu atau berasa diancam, penutur itu dianggap telah menggunakan strategi ketidaksantunan dalam pertuturannya.

Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Secara langsung

Strategi ketidaksantunan secara langsung (*bald on record impoliteness*) melibatkan tindak tanduk penutur yang melakukan pengancaman muka secara langsung melalui pengujaran kata-kata yang jelas, tidak kabur dan dalam masa yang singkat boleh menyebabkan air muka penerimanya diaibkan .

Pengujaran kata “hah padan muka, hahaha” dalam ujaran 1 menunjukkan penuturnya telah menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung apabila secara langsung telah melakukan ancaman muka terhadap penerimanya. Hal ini menunjukkan telah berlakunya ketidaksantunan apabila penutur tidak menghormati perasaan dan air muka penerima. “Padan muka” adalah ujaran yang jelas dan tidak kabur dan penerimanya mudah memahaminya. Begitu juga dengan ujaran 2, “Kau tu dahlah hitam, pakai baju warna *pink.* hahaha…bengong!”, ujaran 3, “Ek eleh, kau tu memang kurang ajar”, ujaran 4, “Hoi….muka dahlah macam beruk” dan ujaran 5, “Adoi, buruknya beg kau tu, pungut dari sampah ka?” (Sila rujuk Jadual 1).

Penggunaan bahasa kasar “dahlah hitam”, “bengong”, “kurang ajar”, “muka macam beruk”, dan “buruknya beg kau tu, pungut dari sampah” dianggap sensitif dan kasar kerana mengancam peribadi penerimanya, terutama apabila penutur mengujarnya untuk pelbagai tujuan seperti mentertawa dan memperlekeh, mengejek dan menghina penerima ujaran tersebut. Pengujaran kata-kata kasar ini didapati bertentangan dengan saranan teori Brown dan Levinson (1987) yang menganjurkan penutur perlulah bersopan. Dengan kata lain, dalam keadaan yang agak khusus, penutur tidak harus ada niat untuk merosakkan air muka penerima atau pendengarnya. Namun, pengujaran kata-kata kasar yang dilontarkan penutur secara terus terang dengan tujuan

memburukkan lagi 'muka' penerima menyebabkan penerimanya berada dalam kedudukan yang memalukan dan berasa air mukanya diancam. Dengan demikian penutur dianggap telah menggunakan strategi ketidaksantunan secara langsung dalam ujarannya dan penggunaan strategi ini didapati tidak sesuai dengan salah satu daripada saranan dalam teori kesopanan Brown dan Levinson (1987).

Jadual 1: Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Secara langsung

Data	Ujaran	Perbuatan
1	Dapat nombor *last*, hah padan muka. Hahaha	Mentertawa dan memperlekehkan
2	Kau tu dahlah hitam, pakai baju warna *pink.* Hahaha…bengong!	Mentertawa dan memperlekehkan
3	Ek eleh, kau tu memang kurang ajar	Mengejek
4	Hoi….muka dahlah macam beruk	Mengejek
5	Adoi, buruknya beg kau tu, pungut dari sampah ka?	Menghina

Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Positif

Remaja sekolah juga didapati turut menggunakan strategi ketidaksantunan positif dengan menonjolkan perilaku yang menggunakan penanda identiti yang tidak tepat termasuklah penggunaan kata-kata tabu, iaitu "Aku nak pinjam duit kau je, bodoh! Yang kau bising-bising, kenapa, Sial! Apa ingat aku tak mampu bayar ke?" dalam ujaran 6, dan "Banganglah kau ni, otak tak ada ke? Sial" dalam ujaran 9. Semnetara itu, penggunaan strategi ketidaksantunan positif dengan tidak memberikan simpati kepada seseorang itu terpancar dalam ujaran 7, iaitu "Hoi….muka dahlah macam beruk" dan dalam ujaran 8, "Ah, pergi berambus!. Gua benci tengok muka lu" yang diujarkan ketika penutur mengusir pelajar lain. Selain itu, remaja juga menggunakan bahasa yang tabu, iaitu "bodoh" dalam ujaran 6, "sial" (ujaran 6 dan 9) dan "berambus" serta "sial" dalam ujaran 8. Penggunaan strategi ketidaksantunan positif ini lebih menonjol tingkah laku remaja ketika mereka mengeluarkan kata-kata untuk memaki/mencaci, mengejek, dan mengusir pelajar lain. Hal ini dapat dilihat dalam Jadual 2 yang berikut;

Jadual 2: Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Positif

Data	Ujaran	Perbuatan
6	Aku nak pinjam duit kau je, bodoh! Yang kau bising-bising, kenapa, Sial! Apa ingat aku tak mampu bayar ke?	Memaki/mencaci
7	Hoi….muka dahlah macam beruk	Mengejek
8	Ah, pergi berambus!.Sial. Gua benci tengok muka lu.	Mengusir
9	Banganglah kau ni, otak tak ada ke? Sial	Memaki/mencaci

Rumusannya dalam kajian ini, strategi ketidaksopanan positif' yang kerap berlaku adalah ketika remaja selaku penutur memaki/mencaci dan menghina remaja lain.

Sementara itu, dalam perlakuan negatif seperti menghina dan memaki/mencaci ini, penuturnya terdorong untuk menggunakan bahasa kasar jenis tabu yang lebih kesat. Dalam contoh ujaran di atas, dengan jelas menunjukkan bahawa bahasa tabu "sial" telah digunakan secara berulang kali. Hal ini dapat menjelaskan bahawa perkataan tabu 'sial' menjadi sebahagian daripada kata-kata yang mengambarkan emosi marah penuturnya. Dengan penjelasan ini, dapat dikatakan pada dasarnya penggunaan strategi ketidaksantunan positif boleh membuat penerimanya berasa tidak selesa (Culpeper,1996), yang mana penggunaan bahasa tabu menonjolkan emosi dan luahan rasa marah yang disasarkan kepada penerima atau pendengarnya.

Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Negatif

Strategi ketidaksantunan negatif' digunakan oleh remaja untuk tujuan merosak air muka penenerima ketika penutur melakukan perbuatan mengejek, mengancam dan menakut-nakutkan dan memaksa. Penggunaan strategi ini adalah seperti dalam ujaran 10, "Apa!! Kau ingat kau pakai tudung labuh, kau ni dah baik sangat ke? Setakat pakai tudung labuh, tapi perangai macam setan, baik tak payah pakai tudung" menonjolkan perlakuan penutur yang memandang rendah atau memperlekehkan penerima/pendengarnya serta menghinanya. Penghinaan penutur ini menyebab penerima ujaran ini berasa dirinya telah diaibkan. Selain itu, remaja sekolah turut menggunakan strategi ini dengan tujuan untuk menakut-nakutkan penerima/pendengarnya seperti dalam ujaran 11, "Kau jangan berani-berani buat apa-apa, kalau tidak mampus aku kerjakan", dalam ujaran 12, "Kalau kau nak tengok matahari esok, baik kau buat apa yang aku suruh. Faham!" dan dalam ujaran 13, "Kau beritahu cikgu, aku akan pastikan kau arwah malam nanti" (Sila rujuk Jadual 3). Di samping itu, penggunaan kata-kata kasar seperti "mampus aku kerjakan" dan "pastikan kau arwah malam nanti" turut menonjolkan satu ugutan oleh penutur kepada penerima/pendengarnya. Penggunaan kata-kata kasar yang agak agresif ini boleh merosakkan harga diri penerima/pendengarnya.

Jadual 3: Penggunaan Strategi Ketidaksantunan Negatif

Data	Ujaran	Perbuatan
10	Apa!! Kau ingat kau pakai tudung labuh, kau ni dah baik sangat ke? Setakat pakai tudung labuh, tapi perangai macam setan, baik tak payah pakai tudung.	Mengejek, menghina
11	Kau jangan berani-berani buat apa-apa, kalau tidak mampus aku kerjakan	mengancam atau menakut-nakutkan
12	Kalau kau nak tengok matahari esok, baik kau buat apa yang aku suruh. Faham!	memaksa

13	Kau beritahu cikgu, aku akan pastikan kau arwah malam nanti	mengancam atau menakut-nakutkan

Penggunaan Sarkarme atau Sindiran

Penggunaan sarkarme atau sindiran (*sarcasm or mock politeness*) menonjolkan tindak tutur penuturnya yang hanya berpura-pura ketika mengujarkan sesuatu. Hal ini terpancar dalam ujaran remaja apabila mereka mengusir, menghina, dan mengejek rakan mereka. Hal ini terpancar dalam ujaran 14, "…..Aku tau aku bodoh. Kau hebat, kan?", dalam ujaran 15, "….Terima kasih banyak-banyak. Blahlah kau", dan dalam ujaran 16, "…..Bagus cita-cita tu. Teruskan, bro!" (Sila rujuk Jadual 4).

Daripada contoh ujaran di atas, penutur hanya berpura-pura memuji akan penerimanya dengan kata-kata "kau hebat, kan?", "….Terima kasih banyak-banyak.." dan "bagus cita-cita tu". Kata-kata berbentuk 'sindiran', dalam ujaran 14, 15, dan 16 boleh mencetuskan konfrontasi dalam perbualan sekiranya emosi penerimanya menunjukkan kemarahan. Penggunaan retorik ini tampak jelas melalui intonasi penutur ketika mengujarkan kata-kata sindiran ini.

Jadual 4: Penggunaan Penggunaan Sarkarme atau Sindiran

Data	Ujaran	Perbuatan
14	Blah lah kau. Kau dah kerek dengan aku. Aku tau aku bodoh. Kau hebat, kan?	mengusir
15	Banyak ini aje yang kau bagi? Terima kasih banyak-banyak. Blahlah kau.	Menghina
16	Siapa nak tahu, bapa dia kerja angkat sampah, tapi dia ada hati nak jadi kaya! Bagus cita-cita tu. Teruskan, bro!	mengejek

Menahan Kesantunan

Strategi ketidaksantunan, iaitu menahan kesantunan (*withhold politeness*) digunakan apabila penutur didapati tidak melakukan strategi kesantunan seperti yang diharapkan, (Grice, 1975, dan Leech,1983). Dalam perkataan lain, penggunaan strategi ketidaksantunan ini terpancar apabila penuturnya tidak mempamerkan sebarang perlakuan yang menonjolkan kesantunan dalam konteks yang menjangka kesantunan harus berlaku (Culpeper,1996).

Dalam kajian ini, strategi menahan kesantunan ini terpancar dalam ujaran 17, "Memang jodohlah muka kau dengan longkang tu"; dalam ujaran 18, "Cium tanah lagi. Tak ada mata ke?"; dalam ujaran 19, "Salah lagi, Kena marah lagi, orang bodoh tak boleh duduk sini", dan dalam ujaran 20, "Seorang diri eje makan. Pergilah sana. Anak miskin, papa kedana" (Jadual 5). Penutur didapati telah tidak menunjukkan perlakuan yang sopan santun dalam konteks yang memerlukan penutur berbuat demikian. Sebaliknya, penutur memilih untuk menahan kesantunan dengan tidak memberikan

simpati kepada penerima/pendengar seperti mana dalam ujaran 17 dan 18 apabila penerima ujaran itu terjatuh. Hal ini lebih menyerlahkan penggunaan strategi menahan kesantunan apabila penuturnya bertindak mentertawa dan memperlekehkan penerima ujaran tersebut. Strategi menahan kesantunan juga digunakan oleh remaja untuk tujuan menghina seperti dalam ujaran 19 dan 20.

Rumusannya, perlakuan penutur yang menggunakan strategi menahan kesantunan hanya menonjolkan sikap yang tidak memberikan simpati dan berbudi mulia terhadap seseorang itu. Selain itu, penggunaan retorik oleh penutur ketika mengujarkan kata-kata yang menonjolkan strategi menahan kesantunan akan membabitkan persoalan tentang sejauh mana prinsip kesantunan telah diamalkan bagi meningkatkan keharmonian dalam masyarakat serta kepercayaan terhadap nilai dan norma masyarakat yang telah disepakati.

Jadual 5: Menahan Kesantunan

Data	Ujaran	Perbuatan
17	Hahaha jatuh longkang. Memang jodohlah muka kau dengan longkang tu. Bau kau pun dah bau longkang	Mentertawa dan memperlekehkan
18	Hemm… Cium tanah lagi. Tak ada mata ke?	Mentertawa dan memperlekehkan
19	Salah lagi, Kena marah lagi, orang bodoh tak boleh duduk sini.	Menghina
20	Seorang diri eje makan. Pergilah sana. Anak miskin, papa kedana.	Menghina

Rumusan Kajian

Penggunaan strategi ketidaksantunan (Culpeper,1996), didapati telah menimbulkan ancaman dan menjatuh air muka penerima atau pendengarnya, terutama apabila penutur menggunakan strategi ini untuk tujuan menghina, memaki/ mencaci dan sebagainya. Dalam hal ini ancaman muka ini lebih menimbulkan kesan negatif sekiranya dituturkan menggunakan intonasi yang lancang disertai oleh penggunaan retorik yang dimanfaatkan oleh penuturnya untuk niat dan dendam.

Selain itu, kajian ini juga mendapati remaja sekolah mengabaikan maksim santun dan maksim sokongan dalam interaksi mereka di sekolah. Remaja lebih cenderung memilih topik yang boleh mengancam serta merosak air muka remaja lain dengan tujuan untuk mengejek, memaki atau mencaci, menghina, dan mengusir seseorang itu. Malah remaja yang selalu berbahasa kasar di sekolah didapati sering bertindak sewenang-wenang dalam memilih bahasa yang digunakan dalam interaksi

sesama mereka. Bahasa yang menjadi pilihan mereka lebih cenderung menimbulkan salah faham, tidak sopan, dan menyakiti hati pendengarnya.

Implikasi kajian

Perilaku berbahasa dalam kalangan remaja ada kaitannya dengan emosi remaja kerana remaja sering mengalami pelbagai konflik diri. Tambahan remaja yang sekitar usia 13–17 tahun adalah mereka yang terlalu inginkan kebebasan namun bersikap angkuh dan ego bagi melindungi segala kelemahan yang ada pada diri mereka. Justeru segala rasa ketidakpuasan hati yang terdapat dalam diri mereka serta tahap ego yang tinggi adakalanya diluahkan menggunakan bahasa yang kasar.

Penggunaan strategi ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan remaja boleh mencetuskan kejadian berisiko di sekolah serta menggugat usaha pihak sekolah untuk memupuk nilai sopan santun dalam kalangan remaja di sekolah. Perilaku yang mempamerkan ketidaksantunan ini juga turut mengancam peribadi remaja yang sepatutnya menjadi seorang yang berhemah dan berbudi mulia. Oleh yang demikian, guru sebagai orang yang paling rapat dengan kehidupan remaja ketika di sekolah perlu menjalankan tanggungjawab sebagai model masyarakat dalam memupuk nilai sopan santun dalam kalangan para remaja. Tanggungjawab guru perlu disokong dengan kerjasama badan pengawas, pentadbir sekolah, PIBG, dan komuniti setempat.

Perkembangan individu pada zaman remaja banyak memberi kesan kepada corak kehidupan remaja pada masa akan datang. Perkembangan-perkembangan dari segi emosi, mental, jasmani dan budaya remaja banyak dipengaruhi oleh faktor sekeliling.

KESIMPULAN

Perilaku remaja yang suka mentertawakan dan memperlekehkan, mengejek, memaki remaja lain dan sebagainya lebih menonjolkan perilaku remaja yang mempraktikkan strategi ketidaksantunan secara langsung, ketidaksantunan positif, ketidaksantunan negatif, penggunaan sarkarme atau sindiran dan strategi menahan kesantunan ketika bersama-sama rakan-rakan mereka di sekolah. Malahan strategi ketidaksantunan juga dipraktikkan oleh remaja dalam perbualan remaja. Perlakuan remaja ini telah menonjolkan sikap remaja yang tidak memberikan simpati dan tidak berbudi mulia terhadap remaja lain. Daripada perilaku remaja sekolah yang sedemikian telah menyerlahkan bahawa remaja sekolah telah mengabaikan prinsip kesantunan dalam pergaulan mereka. Dengan kata lain, amalan kesantunan berbahasa tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya oleh remaja sekolah. Sejajar dengan itu, pembentukan perilaku berbahasa yang sopan santun dalam kalangan remaja perlulah bermula dari awal, iaitu melalui pendidikan di rumah dan di sekolah bagi meningkatkan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat di samping memelihara nilai-nilai santun dan norma masyarakat yang telah disepakati.

RUJUKAN

Ahmad Fuad Mat Hassan & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Perilaku Berbahasa dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Konferensi Linguistik Tahunan 9*, Jakarta, Atma Jaya, 121-124.

Andersson, Lynne, Pearson, Christine. (1999). Tit for tat? The spiraling effect of incivility in the workplace. Academy of Management Review 24 (3), 452–471.

Bandura, Albert. (1973). *Aggression: A Social Learning Analysis.* New Jersey: Prentice-Hall (Englewood Cliffs, N.J) .

Beebe, Leslie M. (1995). Polite fictions: Instrumental rudeness as pragmatic competence. In James E. Alatis, Carolyn A. Straehle, Brent Gallenberger and Maggie Ronkin (eds) *Linguistics and the Education of Language Teachers: Ethnolinguistic, Psycholinguistic and Sociolinguistic Aspects. Georgetown University Round Table on Languages and Linguistics*. Georgetown: Georgetown University Press, pp. 154-168.

Bousfield, Derek and Miriam Locher (eds.). (2008). *Impoliteness in Language: Studies on its Interplay with Power in Theory and Practice*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter

Buli Semakin Menjadi-jadi 1 http://www.youtube.com/watch?v=3F9n8cS2-GU Uploaded by BojaiInc on Jan 29, 2009.

Culpeper, Jonathan. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics* 25(3), 349-367.

Culpeper, Jonathan. (1998). (Im)politeness in drama. In Jonathan Culpeper, Mick Short and Peter Verdonk (eds) *Studying Drama: From Text to Context*. London: Routledge, pp. 83- 95.

Culpeper, Jonathan. (2001). *Language and Characterisation: People in Plays and other Texts*.London: Longman.

Culpeper, J. et al. (2003). Impoliteness revisited: with special reference to dynamic and prosodic aspects. *Journal of Pragmatics* 35 (2003) 1545–1579

Culpeper, Jonathan. (2005). Impoliteness and entertainment in the television quiz show: The Weakest Link, *Journal of Politeness Research: Language, Behaviour, Culture* 1(1): 35-72.

_____. (2008a). Reflections on impoliteness, relational work and power. In Derek Bousfield and Miriam Locher (eds) *Impoliteness in Language: Studies on Interplay with Power in Theory and Practice*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter, pp. 17- 44.

_____. (2008b). *Impoliteness: Using Language to Cause Offence*. London: Cambridge University Press.

Devin J. Stewart. (1997). Impoliteness Formulae The Cognate Curse In Egyptian Arabic. Journal of Semitic Studies XLII/2 Autumn.

Diana Nurnaini dan Riantri Kartikasarie, (2010). Fenomena Tindakan Kriminal dan Kekerasan. Jakarta. Dimuat turun pada 20 Feb 2012 daripada http://www.scribd.com/doc/57140420/Makalah- Premanisme

Goodwin, Charles, Goodwin, Marjorie Harness. (1990). Interstitial argument. In:

Grimshaw, Allen, D.(Ed.), Conflict Talk: Sociolinguistic Investigations of Arguments and Conversations. Cambridge University Press, Cambridge, pp. 85–117.

Harris, Sandra. (2001). Being politically impolite: extending politeness theory to adversarial political discourse. Discourse and Society 12 (4), 451–472.

H. Paul Grice. (1975). Logic and Conversation. In: Syntax and Semantics. In Peter Cole and Jerry L. Morgan (Ed.) Speech Acts, Vol. 3, (41 – 58) New York: Academic Press.

Hetti Waluati Triana dan Idris Aman. (2011) Lakuan Tutur Menolak Generasi Muda Minangkabau: Cermin Budaya Popular Dalam Interaksi Sosial, *GEMA Online™ Journal of Language Studies,* Volume 11(1) 2011.

Hutchby, Ian. (1996). Confrontation Talk: Arguments, Asymmetries, and Power on Talk Radio. Lawrence Erlbaum Associates, Mahwah, NJ.

Imam Prasodjo.(2001). Pengadilan Brutal, Dimuat turun pada 20 Feb 2012 daripada http://bpsntbandung.com.

Labov,William. (1972). Language in the Inner City: Studies in the Black English Vernacular. Blackwell: Oxford.

Lakoff, Robin. (1989). The limits of politeness. Multilingua 8, 101–129.

Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. London: Longman.

Locher, Miriam A. and Derek Bousfield. (2008). Introduction: Impoliteness and power in language. In Derek Bousfield and Miriam A. Locher (eds) *Impoliteness in Language: Studies on its Interplay with Power in Theory and Practice*. Berlin and New York: Mouton de Gruyter, pp. 1-13.

Pratama Baryadi. (2008). Berbahasalah Dengan Sopan Santun, Dimuat turun pada 5 Okt. 2010 daripada http://nani-eu.blogspot.com/2008/06/52sopan-santun-bahasa.html

Penman, Robyn. (1990). Facework and politeness: multiple goals in courtroom discourse. Journal of Language and Social Psychology 9, 15–38.

Robert R. Provine. (1996). Laughing. R. R. Provine. In Encyclopedia of Neuroscience. Elsevier, Amsterdam. CD ROM

Tannen, Deborah. (1990). Silence as conflict management in fiction and drama: Pinter's Betrayal and a short story ''Great Wits''. In: Grimshaw, Allen D. (Ed.), Conflict Talk: Sociolinguistic Investigations of Arguments and Conversations. Cambridge University Press: Cambridge, pp. 260–279.

Tangney, J.P. Stuewig, J. and Mashek, D. J. (2007). Moral Emotions and Moral Behavior The *Annual Review of Psychology retrieve from* http://psych.annualreviews.org

Terjemahan Bahasa Melayu Al Quran Al Karim. (2011), Batu Caves, Al Hidayah House of Quran, Sdn, Bhd.

Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2010). Perilaku Berbahasa Kasar dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Prosiding International Seminar Language, Literature, and Culture in Southeast Asia Theme: Malay and Indonesian Studies*" Trang, Thailand, 925-931.

Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan, (2010). Kekerasan Verbal dalam Komunikasi Remaja: Satu Pelanggaran Maksim Kesantunan. *Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu.* UPM, Serdang, 386-391.